

Busker pakai baju batik, dibayar royalti

KUALA LUMPUR – Ahli Parlimen Langkawi, Datuk Mohd. Suhaimi Abdullah mencadangkan seniman jalan khususnya *busker* memakai pakaian cantik seperti baju batik semasa membuat persembahan.

Menurutnya, beliau mendapati kebanyakan *busker* terutama di kawasan bandar raya memakai pakaian kurang cantik ketika membuat persembahan di tempat tumpuan ramai.

"Saya cadangkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ambil *busker* sebagai anak angkat dan pakaikan mereka dengan pakaian cantik seperti batik dan sebagainya.

"Saya juga cadangkan bayaran royalti kepada mereka kerana menceriakan dan menghiburkan orang ramai termasuk pelancong. Minta diperluaskan lagi bantuan kepada *busker* meliputi kota-kota raya selain Kuala Lumpur," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Menjawab cadangan itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha Mustafa berkata, beliau me-



GOLONGAN *busker* diminta mendendangkan lagu-lagu klasik dengan sentuhan moden ketika membuat persembahan. – GAMBAR HIASAN

nyambut baik cadangan tersebut dan pihaknya bersedia mempertimbangkan perkara itu.

"Umpamanya pakaian bersih, cantik untuk mempromosikan negara kita. Begitu juga dengan cadangan bayaran royalti, saya kira ini juga boleh diteliti, boleh juga jadi satu pendapatan kepa-

da mereka.

"Saya akan ambil teliti perkara disarankan oleh (Ahli Parlimen) Langkawi dan mungkin boleh dimasukkan dalam dasar hiburan Wilayah Persekutuan," katanya.

Terdahulu, Dr. Zaliha berkata, seniman jalanan tidak memiliki permit kerana membuat persem-

bahan di lokasi tidak dibenarkan antaranya di persimpangan jalan, kawasan lampu isyarat, kawasan sesak dan berbahaya atau kawasan kediaman di pusat bandar.

Katanya, DBKL menyediakan 16 lokasi strategik sebagai kawasan rasmi bagi aktiviti *busking* antaranya di zon komersial dan pelancongan seperti Bukit Bintang, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Dataran Merdeka, Medan Pasar, River of Life dan Jalan Alor.

Dalam pada itu, Dr. Zaliha berkata, kerajaan meminta penggiat *busking* di ibu negara tidak hanya menyanyikan lagu-lagu jiwang dan tangkap leleh dalam persembahan mereka.

"Mereka diharap turut dengarkan lagu-lagu klasik dengan sentuhan moden. Ia merupakan tanggungjawab sosial *busker* bagi membantu pelancong mengenali muzik tradisional Malaysia seperti gamelan dan ghazal.

"Menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026, kerajaan berharap seniman jalanan terutama *busker* tidak mainkan lagu satu jenis sahaja," katanya.